

## Program ringan beban sara hidup golongan B40

**Kuala Lumpur:** Rakyat yang dalam golongan B40 menyifatkan Program Subsidi Petrol (PSP) yang akan berkuat kuasa 1 Januari ini adalah langkah baik untuk mengurangkan beban kos sara hidup mereka.

Di Melaka, penerima Bantuan Sara Hidup (BSH), Suzannah Abdul, 47, yang juga pekerja am, berkata ia adalah langkah baik dan memberi manfaat khususnya kepada suri rumah yang bekerja, sekali gus mengurangkan kos sara hidup keluarga.

Tukang gunting rambut, Muhammad Daniel Shaiful Badrin, 20, berkata pengenalan PSP itu tepat pada masanya ketika rakyat berpendapatan rendah memerlukan bantuan mengurangkan beban kos sara hidup.

Di Ipoh, pengawal keselamatan

tan, Muhammad Faizal Hassan, 36, berkata langkah kerajaan menyalurkan bantuan dengan pemberian subsidi minyak itu dianggap sebagai berita gembira dan rahmat Ilahi.

"Sudah lama kami tertunggu-tunggu bantuan sebegini, tambahan saya sebagai rakyat bawahan yang tidak bergaji tinggi, terima kasih kepada kerajaan yang begitu prihatin dengan rakyat.

"Saya perlu menghabiskan RM75 untuk duit minyak berulang-alik dari tempat kerja dengan menunggang motosikal, jadi selepas ini baki wang berkenaan bolehlah saya gunakan untuk membeli barangan keperluan lain," katanya.

Pembantu kedai makan, Normal Azmi Muhammad Abdullah, 45, berkata bantuan itu

sekurang-kurangnya meringankan perbelanjaan harian yang ditanggung selama ini.

"Saya cuma bergaji harian dan pendapatan isi rumah pula cukup-cukup makan dan tidak dapat menyimpan, tambahan empat anak berusia 10 hingga 21 tahun masih belajar.

"Saya membelanjakan kira-kira RM45 sebulan bagi berulang-alik ke tempat kerja menaiki motosikal, jadi sudah tentu bantuan duit minyak meringankan perbelanjaan dan bakinya nanti dapat digunakan untuk membiayai keperluan lain," katanya.

Di Georgetown, suri rumah, Sharifah Azizah Syed Ahmad, 56, berkata bantuan itu boleh membantu meringankan beban keluarganya dalam tempoh jangka panjang.

"Bantuan subsidi minyak ini membolehkan saya dan keluarga melakukan sedikit penjimatan berbanding sebelum ini.

"Mungkin orang lain nampak jumlahnya sedikit, tapi saya tetap bersyukur kerana sekurang-kurangnya ia meringankan beban kami," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Azura Abdul Karim, 24, berkata bantuan itu membolehkan keluarganya melakukan sedikit penjimatan untuk menggunakan kenderaan ke tempat kerja.

"Harga minyak mentah dunia adalah tidak menentu sekarang. Jadi, bantuan subsidi minyak ini sekurang-kurangnya membantu duit poket kami.

"Saya juga harap ia dapat diperluaskan kepada semua golongan dan tidak hanya terhad

kepada penerima BSH kerana saya yakin semua pihak berhak merasainya," katanya yang juga kakitangan swasta.

Di Kedah, peniaga kecil, Zuryati Ahmad, 40, berkata PSP mampu membantu beliau dan suaminya yang berpendapatan bersama tidak sampai RM2,000 sebulan.

Katanya, untuk berniaga, dia perlu mengisi petrol RM50 untuk kegunaan tidak sampai seminggu bagi perjalanan membeli barang, berniaga dan berulang alik menghantar anak ke sekolah.

"Suami saya hanya pemandu di jabatan kerajaan, gaji dia cuma lebih RM1,000 dan selepas ditolak bayaran pinjaman kereta dan bil utiliti, gaji bersihnya cuma tinggal RM800, manakala saya pula berpendapatan antara RM15 hingga RM30 sehari," katanya.



Muhammad Faizal Hassan,  
Pengawal keselamatan

**Ia adalah langkah baik dan memberi manfaat khususnya kepada suri rumah yang bekerja, sekali gus mengurangkan kos sara hidup keluarga.**

Suzannah Abdul,  
Pekerja am

**Sudah lama kami tertunggu-tunggu bantuan sebegini, terima kasih kepada kerajaan yang begitu prihatin dengan rakyat.**

